



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN LAMAN WEB PUSPANITA DAN MAJLIS
 PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN COOKING
 CHALLENGE MEWARNA ANAK- ANAK KAKITANGAN MBSP
 DAN DEKLAMASI PUASI

TARIKH / MASA / TEMPAT
9 OKTOBER 2020 (JUMAAT)
10.45 PAGI

**AUDITORIUM, MENARA BANDAR RAYA
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang YBhg. Datin Hajah Che Limah Binti Ujang
Pengerusi PUSPANITA MBSP

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmud
Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

Wakil daripada pihak FAMA

Ketua-Ketua Jabatan
Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ahli Jawatankuasa Puspanita

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan berkat kurnianya dapat saya berkumpul bersama dengan semua ketua-Ketua jabatan, wakil daripada FAMA dan ahli-ahli puspanita pada pagi ini bersempena dengan program Majlis Sambutan Hari Bandaraya yang pertama kali setelah setahun kita melayari bandaraya. Saya selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi PUSPANITA MBSP, Datin Hajah Che Limah Binti Ujang dan AJK di atas program yang diadakan sepanjang bulan bandaraya. Walaupun saya tahu, telah beberapa tarikh yang telah dijadualkan pada awalnya tetapi atas kekangan tugas saya, saya minta

tarikh itu ditunda kerana pada saya saya perlu ada dalam program ini kerana “*The Contribution of Women in every sphere of live is massive*” di mana saya tahu wanita bukan sahaja bertungkus lumus di rumah bahkan dengan kerja sehari juga dan saya perlu menyokong semua program dan usaha itu. Tahniah PUSPANITA.

Dalam kita melaksanakan pelbagai program, sama-sama kita mendisiplinkan diri menjaga penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan sanitizer. #PenangLawanCovid19 #kitajagakita.

YBhg. Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Tahniah kerana PUSPANITA MBSP telah berdiri teguh selama 21 tahun. Daripada zaman dahulu, wanita dibesarkan dengan tugas-tugas yang terhad. Dengan tradisi dan pegangan seperti ini, banyak wanita lebih berada di rumah dan tidak bekerja. Tetapi pada masa sekarang, semuanya telah berubah. Dengan adanya *Sustainable Development Goals (SDG 5)*, *Achieve Gender Equality and Empower All Women and Girls*, wanita telah meluncur laju ke hadapan. Wanita telah banyak mencuba sesuatu yang baru terutama sekarang ini semua orang bercakap mengenai teknologi dan digital. Banyak forum-forum, bengkel, pertandingan, business atau

perniagaan yang dijalankan oleh wanita sekarang ini adalah melalui virtual dan online dan ianya menjadi lebih berjaya.

Justeru, saya berasa bangga kerana PUSPANITA MBSP telah menyuntik nafas baru untuk laman web PUSPANITA MBSP yang lebih informatif. Memandangkan isu pandemik covid 19 yang semakin meningkat, kita khuatir banyak program-program perlu ditunda untuk mengelakkan berkumpul secara ramai atau berhimpun. Saya ingin mencadangkan agar PUSPANITA MBSP memperbanyakkan program secara virtual atau webinar. Pandemik Covid 19 bukan penghalang untuk kita tidak melaksanakan sebarang program. Forum atau bengkel bersesuaian boleh sahaja dilaksanakan menerusi online buat semua ahli. Program-program kesihatan, keushawanan, kebajikan, ketrampilan dan kekeluargaan dapat diperbanyakkan lagi dengan adanya website yang *new look* ini.

YBhg. Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Sepanjang sebulan bandaraya, saya melihat pelbagai program telah dianjurkan oleh PUSPANITA iaitu seperti *cooking challenge*, pertandingan mewarna kanak-kanak, deklamasi puisi dan program motivasi. Saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kerana PUSPANITA MBSP juga telah

berjaya menyediakan satu slot *sharing experience and knowledge* bersama mantan Pengerusi PUSPANITA MBSP yang merupakan Executive Director UN Habitat iaitu Dato' Seri Maimunah Mohd Sharif. Kita berpeluang dan berkesempatan memandangkan beliau berada di Malaysia dan sudi berkongsi pengalaman bersama tuan-tuan dan puan-puan. Saya rasa apa yang dikongsi beliau dapat dijadikan inspirasi buat semua.

YBhg. Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Selain itu, pada 19 September 2020, saya memohon YAB Ketua Menteri, Tuan Chow Kon Yeow disaksikan oleh YB Tuan Jagdeep Seng Deo dan semua yang hadir serta natizen yang menyaksikan secara langsung pelancaran *Seberang Perai Circular Economy Roadmap*. Road Map ini menjadi panduan dalam memastikan pola penghasilan dan penggunaan (*Production and Consumption Pattern*) di Seberang Perai dapat diubah daripada Linear Model kepada Circular Model.

Linear Model menggunakan bahan mentah yang dijadikan sebagai produk dan seterusnya dilupuskan apabila selesai digunakan. Linear Model mengamalkan prinsip “*take-make-use-dispose*” dimana akhirnya akan memberikan tekanan kepada pelupusan akhir (*end disposal*). Selain itu,

Linear Model juga menggunakan bahan mentah secara tidak terhad dimana akhirnya akan berlakunya kekurangan sumber dan mengakibatkan peningkatan pada kos barang yang dijual.

Circular Model berpaksikan penggunaan semula produk dan bahan mentah serta mencegah pembaziran dan pelepasan yang merbahaya pada tanah, air dan udara. Dalam erti kata mudah, *Circular Model* menumpukan untuk *Closing the Loop* dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber (*Resource efficient*) dalam memaksimakan penghasilan produk.

Seberang Perai Circular Economy Roadmap ini mempunyai lapan (8) Bidang Keberhasilan Utama atau KRA iaitu :

- i. Tapak Pelupusan
- ii. Industri Kitar Semula
- iii. Sisa Makanan
- iv. Plastik sekali guna
- v. Sisa Binaan
- vi. Sisa Elektronik
- vii. Tenaga boleh Diperbaharui
- viii. Pengurusan Air dan Air Kumbahan

Secara tidak langsung, saya berpendapat kemungkinan PUSPANITA MBSP dapat memikirkan program bersesuaian bagi kakitangan untuk

meneroka satu peluang baru dalam *circular economy* dan mengalakkan *Local Economic Development*. Secara tidak langsung, PUSPANITA telah membuka peluang buat kakitangan dan ahli cuba meneroka bidang ini.

YBhg. Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya ingin mecadangkan kepada PUSPANITA MBSP supaya bergerak ke hadapan dan berlari jauh daripada melaksanakan program atau aktiviti-aktiviti yang berulang atau bersifat stereotype. Program-program terkini haruslah banyak memberi impak yang lebih positif kepada ahlinya. Sebagai contoh melaksanakan program-program yang mencungkil bakat dan secara tidak langsung memberi faedah dan kepentingan kepada persatuan dan MBSP. Sebagai contoh pertandingan *Typography Competition* di mana secara tidak langsung kita dapat mencungkil bakat kakitangan MBSP yang mempunyai kemahiran dalam khat atau penulisan grafik. Selain itu, program atau pertandingan “*The Best Practice Competitor*” iaitu apa sahaja *best practice* yang ada yang boleh dikongsi dalam pelbagai skop dan program ini boleh dibuat secara virtual. Secara langsung perkongsian ini boleh dijadikan bahan dalam website PUSPANITA. Ianya juga adalah satu kelainan. Puspanita MBSP perlu berani membuat perubahan dan saya yakin satu hari nanti PUSPANITA MBSP akan menjadi contoh buat persatuan yang lain.

YBhg. Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP sentiasa ke hadapan dalam menyampaikan berita atau maklumat- maklumat berkaitan SOP-SOP atau garis panduan baru kepada rakyat terutama semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ini. Oleh itu, pada hari ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada PUSPANITA MBSP atas kerjasama dalam penyediaan makanan dan minuman kepada wira oren MBSP sepanjang tempoh berkenaan. Usaha murni puan-puan semua amat saya hargai walaupun bukan dalam tempoh PKP atau PKPP, tetapi makanan sedia terhidang untuk sebarang program, lawatan atau mesyuarat. Tahniah.

YBhg. Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

PUSPANITA MBSP perlu sentiasa bergerak dalam satu pasukan dan meletakkan Pendekatan 7Ps (***People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership***) dalam aktiviti-aktiviti atau program MBSP, saya yakin MBSP akan terus cemerlang. Saya juga berharap agar PUSPANITA MBSP meletakkan 7Ps sebagai panduan untuk mewujudkan rakan strategik samada bersama NGO atau agensi-agensi kerajaan untuk kita memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti dan program-program untuk

kebaikan semua ahli. Akhir kata daripada saya, Terima kasih kepada YBhg. Datin Che Limah, penaja program iaitu FAMA dan semua AJK PUSPANITA MBSP yang terlibat atas program-program yang dianjurkan dan tahniah kepada semua pemenang. Dengan lafaz bismillahirrahmaniraahim, saya merasmikan laman web PUSPANITA MBSP sempena ulangtahun pertama Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum*
***Warahmatullahi Wabarakatuh* dan terima kasih.**